

Tanah rizab Melayu hilang

Didakwa telah bertukar milik sejak 2005

Oleh FAHMI FAIZ dan ROSHIHAN ANNUAR YUB
utusannews@mediamulia.com.my

Mingguan Malaysia

kiawan yang telah digazetkan sebagai tanah rizab Melayu pada 1930.

“Tanah ini asalnya diwartakan sebagai rizab Melayu pada 7 Januari 1930 melalui gazet kerajaan dalam dokumen rizab berjudul F.M.S Government Gazette, British yang telah merizabkan tanah seluas 16,800 hektar,” katanya.

Katanya, pada 21 November 1997, kerajaan Negeri Perak telah memberi pajakan selama 99 tahun sebahagian tanah tersebut, yang berkeluasan 641.6 hektar kepada sebuah syarikat.

Bersambung di muka 2

KUALA LUMPUR: Seluas 641.6 hektar tanah rizab Melayu di Perak didakwa telah dipindah milik kepada bukan Melayu akibat penyelewengan sindiket yang didakwa didalangi oleh pegawai kerajaan.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Naib Presiden Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra), Datuk Hamidah Osman mendedahkan, sindiket itu menyasarkan tanah di daerah Si-

(24/01/2021) M/S 01



HAMIDAH Osman meninjau kawasan Tanah Rizab Melayu yang didakwa dipindah milik kepada bukan Melayu di Sitiawan, baru-baru ini. - MINGGUAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

MINGGUAN MALAYSIA (24/01/2021)

Tanah rizab Melayu hilang *M/S 02*

Dari muka 1

“Dalam dokumen Hak Milik Sementara tanah itu, ada satu catatan memorial pengisytiharaan yang mengesahkan tanah itu merupakan sebahagian daripada tanah seluas 16,800 hektar yang telah digazetkan,” ujarnya.

Menurutnya, kemusykilan timbul apabila pada 3 Februari 2005 apabila pihak berkuasa negeri telah mengeluarkan satu dokumen Pajakan Negeri ke atas tanah yang sama, namun memadamkan status tanah tersebut sebagai rizab simpanan Melayu.

“Di sinilah kita musykil, bagaimana satu perkara yang amat penting iaitu rizab Tanah Melayu

boleh hilang dengan tiada sebarang prosedur yang dibuat melalui enakmen dan Akta Kanun Tanah Negara,” jelasnya.

Lebih memeranjatkan, katanya, dalam dokumen itu, tanah 641.6 hektar telah dipindah milik kepada syarikat lain beralamat di Sitiawan, Perak yang pengarahnya ialah seorang bukan Melayu.

Sehubungan itu, pihaknya telah menubuhkan satu pasukan forensik tanah bagi menyiasat penyelewengan tersebut.

Hasil siasatan mendapati, tanah tersebut kini telah dipecah kepada 317 plot berbeza yang 100 peratus dimiliki orang bukan Melayu, yang mana ia dibangunkan sebagai ladang kelapa sawit.

Susulan itu, beliau berka-

ta, pada 24 September 2020, pihaknya membuat laporan polis dan meminta siasatan terhadap penyelewengan tersebut dibuat.

Pihak polis, pada 12 Januari 2021, mengesahkan kepada *Mingguan Malaysia* bahawa mereka menerima laporan tersebut.

Justeru, Hamidah berkata, sindiket itu perlu dibongkar dan dalang haruslah diheret ke muka pengadilan.

“Kami harap sindiket tanah rizab Melayu ini dapat dibongkar dan semua tanah yang telah dipindah milik secara tidak sah dibatalkan kelulusan tersebut, seterusnya dikembalikan kepada kerajaan negeri,” tegasnya.

■ Wawancara di muka 12 & 13

MINGGUAN MALAYSIA:
Ada pembongkaran
yang nak dibuat
melalui wawancara ini?

HAMIDAH: Hari ini saya nak buat pendedahan mengenai satu sindiket. Ada tanah rizab Melayu seluas 1,604 ekar dipindah milik kepada bukan Melayu yang saya lihat perkara ini dibuat secara tak sah kerana bertentangan dengan Enakmen Rizab Tanah Melayu serta Akta Kanun Tanah Negara 1965.

Kenapa kaitkan dengan sindiket?

Sindiket ini biasanya kita gunakan sebagai berkumpulan. Untuk kes yang kita bongkar ini, ia bukan kerja seorang. Ia memerlukan satu pasukan ataupun ia melebihi satu orang. Ini kerana proses yang dilalui bukanlah proses mudah. Yang kalau proses yang ketat terutamanya dari segi pemilikan tanah boleh dibolosi, ia pastilah merupakan satu sindiket.

Apa yang dilakukan kumpulan ini?

Tanah ini asalnya digazetkan sebagai rizab Tanah Melayu pada 7 Januari 1930, melalui gazet kerajaan bernombor 488. Carian rizab ini kita peroleh melalui Jabatan Arkib Negara. Dalam dokumen rizab 1930 itu, bertajuk *F.M.S Government Gazette*, British telah merizabkan tanah seluas 42,000 ekar tanah ini untuk menjadi tanah rizab Melayu.

Bumi dipijak milik orang!



MUKADIMAH

MENGEJUTKAN! Itu gambaran yang boleh diberi susulan pendedahan melalui wawancara eksklusif ini.

Ceritanya, *Mingguan Malaysia* pada minggu lalu diberitahu, ada satu sindiket telah menyeleweng 1,604 ekar tanah rizab Melayu di Sitiawan, Perak.

Mendengar sahaja perkara itu, beberapa

pertemuan diatur dengan pasukan forensik tanah yang terlibat menyasiat penyelewengan ini. Ia dipengerusikan Naib Presiden Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra), **DATUK HAMIDAH OSMAN** yang juga bekas Exco Kanan Kerajaan Negeri Perak mulai 2009 hingga 2013.

Melalui beberapa sesi pertemuan dan perbincangan bersama pihak mereka, akhirnya Hamidah bersetuju berkongsi butiran serta bukti-bukti termasuk dokumen, dalam wawancara ini.

Ikuti temu bual ini, yang disertai wartawan **FAHMI FAIZ**, **ROSHIHAN ANNUAR YUB** serta jurugambar **AMIR KHALID**, yang bertempat di ibu pejabat Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Kuala Lumpur.

Di mana kedudukan tanah ini?
Di mukim Sitiawan, daerah Manjung, Perak.

1,604 EKAR DIPINDAH MILIK

Apa berlaku terhadap tanah rizab itu?

Pada 21 November 1997, Kerajaan Negeri Perak dalam Borang 11AK, mengeluarkan Hak Milik Sementara bernombor 12676 kepada sebuah syarikat iaitu Ladang Mara (M) Berhad, iaitu tanah seluas 1,604 ekar dengan nombor lot 17527. Ia terletak di mukim Sitiawan dalam daerah Manjung, Perak. Merujuk satu memorial yang tercatat, tanah tersebut merupakan sebahagian daripada tanah seluas 42,000 ekar, yang digazetkan melalui gazet kerajaan bernombor 488 seperti disebut tadi.

Apa maksud memorial, dan apa lagi tercatat dalam memorial itu?

Memorial di sini merujuk satu catatan penting, yang mengesahkan tanah itu sebahagian daripada tanah rizab Melayu. Untuk makluman juga, memorial itu dengan jelas menyatakan 'Pengisytiharaan Rizab Melayu, Dalam Kawasan Rizab Melayu Sitiawan, Bernombor Pemberitahuan Warta 488'. Ini bermakna, tanah 1,604 ekar itu adalah sebahagian daripada tanah rizab Melayu yang digazetkan pada 1930 dahulu.

MEMORIAL RIZAB MELAYU DIHILANGKAN?

Kemudian apa berlaku?

Selepas pengeluaran Hak Milik Sementara itu, pada 3 Februari 2005,

pihak berkuasa negeri mengeluarkan satu Pajakan Negeri. Ini dibuktikan melalui Borang 5CK bernombor 174772 kepada tanah yang sama iaitu lot 17527. Tapi malangnya kita dapat kesan daripada pajakan negeri yang kita buat carian ini, didapati memorial seperti yang dicatat pada Borang 11AK, iaitu 'Pengisytiharaan Rizab Melayu' itu sudah hilang. Di sinilah kita musykil, bagaimana perkara yang amat penting, iaitu rizab Tanah Melayu boleh hilang dengan tiada sebarang prosedur yang dibuat melalui enakmen dan Akta Kanun Tanah Negara.

Maksudnya, ia sengaja dihilangkan?

Apa yang pasti, ia sudah tiada dalam Borang 5CK itu. Yang pelik lagi, tanah ini pula telah bertukar hak milik daripada Ladang Mara (M) Berhad, telah ditukar kepada satu syarikat lain. Ini juga satu kecurigaan, bagaimana tanah itu boleh ditukar semudah itu.

SURAT DARI PEJABAT KERAJAAN

Apakah ada kemungkinan pejabat tanah tahu hal ini?

Kalau kita lihat, selepas itu, pada 5 Januari 2011, Pejabat Daerah dan Tanah Manjung mengeluarkan surat kelulusan bertajuk 'Permohonan Pecah Sempadan Tanah Bagi Hakmilik PN174772 Lot 17527 Mukim Sitiawan, Daerah Manjung'. Surat itu untuk pecah sempadan, maksudnya pecahkan lot ini daripada satu lot besar bersaiz 1.604 ekar dipecah



Kita pun agak kecewa sebab setahu kita mungkin hampir 90 peratus kakitangan awam dalam pejabat tanah ialah orang Melayu. Sepatutnya perkara ini sensitif, dan kalau sekiranya benarlah ada penyelewengan yang dilakukan oleh bangsa kita, ini amat menyedihkan."

menjadi 317 lot bersaiz lima ekar setiap lot. Lebih mencurigakan lagi, kelulusan ini hanya diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian (PTG). Ini lagi satu benda yang bertentangan dengan Akta Kanun Tanah Negara 1965.

Kenapa?

Hal ini kerana, mengikut akta tersebut di bawah Seksyen 214A, jelas menunjukkan bahawa sebarang pindah milik, dipindah hak atau dilupuskan, harus melalui dan mendapat kelulusan daripada Lembaga Tanah Estet Negara.

Apa fungsi lembaga ini?

Untuk makluman, tanah estet merupakan tanah yang melebihi 100 ekar, maka itu dipanggil tanah estet. Maknanya, tanah yang melebihi 100 ekar, perlu dibawa kepada Lembaga Tanah Estet Negara untuk kelulusan pindah milik, dipindah hak atau dilupuskan.

Ini saya nak beritahu, saya rasa sejak saya menjadi Exco saya tidak pernah dengar wujudnya Lembaga Tanah Estet Negara dalam kerajaan. Dimaklumkan mengikut Seksyen 214A, Lembaga Tanah Estet itu mestilah terdiri daripada Setiausaha Negeri sebagai Pengerusi, Pengarah Pejabat Tanah Galian sebagai Setiausaha dan perlu ada empat lagi anggota yang dilantik Pihak Berkuasa Negeri yang mesti dalam kalangan anggota perkhidmatan awam.

Berbalik kepada isu surat PTG, apa lagi dalam surat itu?

Jadi di sini kita lihat satu perkara yang bertentangan dengan Akta Kanun Tanah Negara, kerana dalam surat ini, dimaklumkan kelulusan hanya melalui Pejabat Daerah dan Tanah Manjung sahaja, dan bukan melalui Lembaga Tanah Estet Negara seperti di peruntukan dalam Seksyen 214A, Akta Kanun Tanah Negara.

Ini satu perkara yang mencurigakan, malah hal menjadi lebih ketara apabila surat ini ditandatangani oleh bagi pihak (wakil) Pentadbir Tanah Manjung. Ini

bermaksud, ia bukan ditandatangani oleh Pentadbir Tanah itu sendiri, sebaliknya hanya wakil. Kemudian kita dapati banyak lagi perkara tak konsisten dalam surat itu, seolah-olah ia disiapkan secara tergesa-gesa.

BUMI DIPIJAK MILIK ORANG

Apa berlaku selepas surat itu?

Susulan kelulusan itu, syarikat ini telah mula menjual kepada individu, lot-lot yang berjumlah 317 lot tadi. Tetapi, lagi satu kemusykilan di sini, apabila syarikat itu didapati merupakan syarikat bukan Melayu, yang mana merujuk Borang 14A Pindah Milik Tanah, Bahagian atau Pajakan, Pengarah syarikat itu seorang berbangsa Cina.

Itu bukan nama orang Melayu?

Ya benar, bukan nama Melayu. Sepatutnya tanah ini, daripada Ladang Mara (M) Berhad yang dipindah kepada syarikat berkenaan, haruslah pengarah syarikat itu juga orang Melayu. Tapi di sini kita lihat semasa memohon untuk menjual tanah tersebut, tuan syarikat tanah



PEMANDANGAN dari udara kawasan Tanah Rizab Melayu yang dipindah milik kepada bukan Melayu di Sitiawan, Perak. - MINGGUAN/
ZULFACHRI ZULKIFLI.

MINGGUAN MALAY SIA (24/01/2021)

tanah tersebut, tuan punya tanah atau pengarah syarikat yang memiliki tanah itu, ditandatangani oleh orang Cina.

Tindakan pihak Datuk selepas itu?

Pasukan forensik tanah kami kemudian buat carian melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), yang terakhir dibuat bertarikh 10 Julai 2020, syarikat ini, ahli lembaga pengarah mereka semua terdiri dari kalangan bukan Melayu, begitu juga dari segi pemilikan saham syarikat itu, yang dimiliki oleh semua orang bukan Melayu.

Kemusykilan kita bagaimana tanah rizab Melayu telah ditukar kepada syarikat ini yang semasa proses penjualan 317 lot itu, ditandatangani oleh pengarah syarikat yang bukan Melayu. Lebih malang lagi, ia dijual pula kepada 317 pembeli, yang mana semuanya bukan pun orang Melayu.

Apa bukti semua 317 bukan dimiliki orang Melayu?

Kami telah membuat carian di Pejabat Tanah dan Galian, iaitu carian bertarikh 23 September 2020, dan memang daripada carian itu, semua 317 lot ini, hari ini telah pun dimiliki oleh orang bukan Melayu. Malah, ada lagi perkara yang lebih ganjil.

Apakah perkara itu?

Yang lebih ganjil, bagaimana ketika kami membuat carian persendirian ini, keluarlah pula balik memorial 'Pengisytiharaan Rizab Melayu', seperti mana tercatat dalam Borang 5CK bernombor 174772 yang dikeluarkan pada 3 Februari, 2005 lalu.

Dalam carian itu, pihak tertentu meletakkan status 'Pengisytiharaan Rizab Melayu' tanpa meletakkan pemberitahuan warta dan sebagainya bernombor 488.

DALANG SINDIKET

Siapa yang terlibat?

Saya tidak boleh terus menuduh siapa terlibat sindiket ini, tetapi kita sudah melaporkan kepada polis pada 24 September 2020. Yang mana kita minta polis menyalut perkara ini sebab walaupun kita nampak ada unsur-unsur penyelewengan tetapi apa yang kita nak, kita mahu polis menyalut dengan teliti, siapakah yang terlibat dalam penyelewengan ini.

Kita sudah nampak ada penyelewengan. Tapi untuk mengetahui siapakah yang melakukan penyelewengan itu, itu adalah tugas polis untuk melaksanakannya.

MENTERI BESAR, EXCO

Sejauh mana kerajaan negeri dan Menteri Besar ambil tahu kegiatan sindiket ini?

Itulah masalahnya sekarang. Saya rasa bukan hanya berlaku di negeri, malah berlaku di Pusat. Mungkin pertimbangan mereka berlebihan ke arah isu politik, dan isu yang macam ini mereka tak ambil hal sangat.

Ketika isu ini dan laporan dibuat pada September 2020, Menteri Besar masih Datuk Seri Faizal Azumu dan hari ini Menteri Besar pun dah bertukar, tapi *feedback* daripada laporan saya masih tiada tindakan atau maklum balas atau makluman dari pejabat Menteri Besar.

Adakah barisan Exco terutama yang memegang portfolio tanah maklum perkara ini?

Untuk kes 1,604 ekar ini, bila dalam urusan pecah tanah atau pun kita panggil *sub-divide*, ia tidak melibatkan Pihak Berkuasa Negeri atau Exco.

Ia hanya di peringkat pejabat tanah sahaja, tetapi ada kes-kes juga yang melibatkan Exco. Yang itu kita akan buat pada pendedahan lain. Untuk kes ini, kes pecah sempadan ia hanya dilaksanakan

di pejabat tanah sahaja.

PASAL PEJABAT TANAH

Bagaimana dengan pihak Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah?

Saya ada membuat satu kunjungan khas kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perak, kepada Pengarah. Kami maklumkan penyelewengan ini. Malangnya saya melihat perkara ini tidak diambil serius dan beliau hanya mengatakan bahawa ini merupakan satu kesilapan. Dia kata pada saya, Datuk sebagai manusia kita *born to make mistake*.

Maksudnya itu kesilapan pihak PTG tidak disengajakan?

Itu yang saya katakan. Kita berasa kecewa sebab sepatutnya bila perkara ini kita dedahkan atau kita maklumkan pada dia, dia sepatutnya ambil serius bagaimana 1,600 ekar tanah boleh terlepas ke tangan bukan Melayu kerana kesilapan dari PTG. Tapi dia mengambil ringan. Itu yang menyebabkan kami tidak berpuas hati sehinggakan pasukan forensik saya membuat keputusan perkara ini kita mahu bawa ke mahkamah.

CAMPUR TANGAN POLITIK?

Sejauh mana kemungkinan wujud campur tangan politik dalam penyelewengan ini?

Saya tak berani nak mengatakan sama ada wujud atau tak wujud, mungkin ada, mungkin tiada.

Mungkin ada tekanan dari orang politik kepada pegawai kerajaan, itu sesuatu yang bersifat subjektif. Itu sebab kita minta benda ini disiasat serius. Sebab bila kita buat laporan polis, ini perlukan siasatan rapi melibatkan polis dan sebagainya jadi kita minta perkara ini didedahkan, atau sekurang-kurangnya ditangani lah

ISU SANGAT SERIUS

Adakah isu seleweng tanah rizab Melayu ini berlaku di tempat lain? Berapa luas tanah rizab Melayu sudah 'disapu' sindiket?

Sebab itu saya berterima kasih kepada *Mingguan Malaysia* untuk membuat pendedahan ini, kerana kita mahu wujudkan kesedaran kepada orang awam. Bukan sahaja kepada rakyat, tetapi kepada pucuk pimpinan parti politik jika benar mereka sayang kepada agama, bangsa dan negara juga kepada pegawai-pegawai tinggi kerajaan untuk melihat perkara ini.

Sebab saya yakin seperti yang saya katakan tadi dalam kes di Perak, baru satu kes yang kita tengok daripada 42,000 ekar, 20,000 ekar tanah sekarang ini yang kita sudah kesan telah berpindah milik tetapi masih berstatus tanah rizab Melayu, tetapi pemiliknya bukan orang Melayu. Perkara ini juga tidak mustahil berlaku di negeri lain. Kita nak perkara ini didedahkan kepada masyarakat.

Di mana kelemahan sampai rizab tanah Melayu boleh diseleweng?

Kita pun agak kecewa sebab setahu kita mungkin hampir 90 peratus kakitangan awam dalam pejabat tanah ialah orang Melayu. Sepatutnya perkara ini sensitif, dan kalau sekiranya benarlah ada penyelewengan yang dilakukan oleh bangsa kita, ini amat menyedihkan kerana satu amanah yang kita letak pada bangsa kita sendiri tak boleh dijaga.